

# BULETIN MPT



MAJLIS PERBANDARAN TAIPEING

## Majlis Perbandaran Taiping

"MPT Cemerlang Sepanjang Masa"

### Taiping Bandar Warisan

BIL 2/2018  
(JULAI - DISEMBER)

NASKAH  
PERCUMA



Menarik di dalam >>



Sambutan Hari Malaysia  
Peringkat Negeri Perak 2018  
Muka Surat | 06

Lawatan Delegasi Bandaraya  
Fukuoka Jepun ke Taiping  
Muka Surat | 07

Malaysia Tourism Gold  
Award  
Muka Surat | 09

Program Pengantarabangsaan  
MPT  
Muka Surat | 15

Majlis Perbandaran Taiping.

Wisma Perbandaran Taiping, Jalan Taming Sari, 34000 Taiping, Perak.



@mptaiping

@MPTaiping

mptaipingperak

[www.mptaiping.gov.my](http://www.mptaiping.gov.my)

[mpt@mptaiping.gov.my](mailto:mpt@mptaiping.gov.my)

605 808 0777

605 806 8957 /

605 805 3000

[aduan@mptaiping.gov.my](mailto:aduan@mptaiping.gov.my)



# Isi Kandungan

Bil 2/2018 (Julai - Disember)

04. Kunjungan Lawatan Pasukan Inspektorat Sistem Penarafan Bintang
05. Akujanji Ikrar Bebas Rasuah Sprm
05. Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau
06. Sambutan Hari Malaysia Peringkat Negeri Perak 2018
06. SUKMA XIX Perak 2018
07. Lawatan Delegasi Bandaraya Fukuoka Jepun
07. Lawatan Dewan Perwakilan Kota Medan
08. Lawatan Pengenalan Fam Trip Ke Taman Botani
08. Lawatan Yb Tuan Nga Kor Ming
09. Majlis Pelancaran Program Kebun Komuniti Plan MAS
09. MAS Tourism Gold Award
10. N'Force Bikers Singgah
10. Pengurniaan Pingat DYMM
11. Operasi Bersepadu
12. Program Sepanjang Bulan Julai-Disember 2018
14. Program Fam Trip Dan Sesi B2b
14. Program Maxwell Hill MTB
15. Program Pengantarabangsaan MPT-Asian Pacific City Summit
15. Program Komuniti Maybank
16. PINK Program
16. Program Town Hall Meeting
17. Program TRR Brooks Run
17. Sambutan Ulang Tahun Bazar
18. Pledge And Plant A Tree
19. Bahagian Zoo

## Sidang Redaksi

## Buletin Majlis Perbandaran Taiping

### Penaung

YBhg. Dato' Haji Abd Rahim bin Md Ariff  
DPMP., PMP., AMP., Yang Dipertua MPT

### Penasihat

Tuan Haji Borhan bin Abdul Halim., AMP., PPT  
Setiausaha Perbandaran MPT

### Ketua Editor

Hanim binti Ramly  
Ketua Bahagian Korporat, Perhubungan Awam dan Pelancongan

### Editor

Nurul Huda binti Shamsuddin  
(Bahagian Korporat, Perhubungan Awam dan Pelancongan)

Azyani binti Aripin  
(Jabatan Zoo Taiping & Night Safari)

### Diterbitkan oleh

Bahagian Korporat, Perhubungan Awam dan Pelancongan  
Majlis Perbandaran Taiping

### Diterbitkan untuk



Wisma Perbandaran Taiping  
Jalan Taming Sari  
34000 Taiping, Perak  
<http://www.mptaiping.gov.my>  
 Majlis Perbandaran Taiping



## Amanat Tahun 2018

**Ybhg. Dato' Haji Abd Rahim Bin Md Ariff,  
Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Taiping**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera.

Alhamdullillah bersyukur kita ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, tahun 2018 telah melabuhkan tirai dengan berbagai pencapaian. Pada penggal kedua bagi tahun 2018, Majlis Perbandaran Taiping terus komited dalam memacu pembangunan di Taiping, selari dengan hasrat kerajaan negeri untuk menjadikan Perak sebagai hub penting dalam bidang perkhidmatan, ekonomi, berjaya. Antaranya ialah MPT telah berjaya mencapai prestasi yang amat baik dalam kedudukan Sistem Star Rating PBT atau SSR-PBT, iaitu dari mendapat empat bintang pada tahun sebelumnya kepada lima bintang pada tahun 2018. Kerjasama MPT dengan jabatan-jabatan serta agensi-agensi lain juga amat penting dalam melaksanakan tugas-tugas dan fungsi-fungsi Majlis dengan lebih berkesan selaras dengan pendekatan strategi lautan biru. Ahli-ahli Majlis MPT dan ketua-ketua jabatan serta ketua bahagian perlu aktif melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam mendidik rakyat, khususnya komuniti yang tinggal di daerah Larut Matang dalam hal-hal berkaitan peranan mereka menjaga kelestarian dan kebersihan persekitaran. Ini adalah amanah dan tanggungjawab yang telah diletakkan ke atas bahu kita. Oleh itu, kita sebagai penjawat awam juga perlu memberikan komitmen yang baik dalam menjaga hubungan yang erat ini. Kini kita telahpun melaksanakan sistem zon di mana Ahli-Ahli Majlis dikhurasukan untuk memantau kawasan-kawasan tertentu terutama dari segi aduan awam, keperluan kemudahan awam dan perkhidmatan perbandaran. dengan sistem ini diharapkan pelaksanaan, pengurusan dan pemantauan terhadap perkara-perkara yang disampaikan oleh Ahli-Ahli Majlis kepada MPT akan diselaraskan dan diurus dengan sebaik-baiknya dan ketidak sempurnaan, adalah wajar untuk kita perbetulkan dan perkemaskan dengan kadar segera dan tanpa berlengah. Semoga dengan kolaborasi ini, dapat meningkatkan sistem penyampaian kerajaan kepada rakyat dan mendatangkan hasil berimpak tinggi yang bukan sahaja memberi manfaat kepada prestasi MPT tetapi juga kepada jabatan-jabatan dan agensi-agensi lain. MPT sentiasa menyokong dan bersama-sama kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan terutama Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam membangun ekonomi negara melalui penggubalan dasar dan program ke arah kesejahteraan dan kemakmuran rakyat.

Akhir kata, Saya percaya dengan adanya komitmen penuh dan kerjasama di antara Ahli-Ahli Majlis dan pihak pengurusan MPT, matlamat kerajaan untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat dapat dicapai.

Sekian, terima kasih.

## Gotong-Royong Mega Peringkat Kebangsaan

Gotong-royong mega peringkat kebangsaan yang berlangsung serentak di seluruh negara telah diadakan di Taman Rumah Awam Batu 2 1/2 Simpang Taiping. Tujuan gotong-royong ini diadakan adalah untuk memusnahkan tempat pembiakan nyamuk aedes.



### **KUNJUNGAN LAWATAN PASUKAN INSPEKTORAT SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN KE MPT**

Majlis Perbandaran Taiping telah menerima kunjungan lawatan daripada Pasukan Inspektorat Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) pada 18 Julai 2018.



# AKUJANJI AHLI-AHLI MAJLIS MPT DALAM IKRAR BEBAS RASUAH BERSAMA SPRM

Ikrar Bebas Rasuah (IBR) adalah ikrar dan janji yang dibuat oleh para kepimpinan organisasi dan warganya secara sukarela atas kapasiti sebagai individu untuk memastikan setiap individu yang menandatangani ikrar tersebut akan lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas mereka dan menjauhkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah selama mereka memegang jawatan tersebut. MPT telah melaksanakan Majlis IBR pada 28 September 2018 yang melibatkan 25 orang Ahli Majlis, termasuk Dato' Yang Dipertua MPT.

Majlis Melafaz IBR yang berlangsung di Dewan Mesyuarat Cempaka, Wisma MPT ini diketuai oleh YBhg. Dato' Hj Abd Rahim bin Md Ariff, Yang Dipertua, MPT dan diiringi oleh dua orang Ahli Majlis iaitu Clr Encik Mohd. Saad Ismail dan Clr. Encik Khaw Eng Lien. Upacara ini disaksikan oleh Encik Ahmad Shukri bin Mohd Taib, Timbalan Pengarah SPRM Negeri Perak.



## INISIATIF PEMBANGUNAN KEJIRANAN HIJAU-PEMBANGUNAN KEBUN KEJIRANAN

Kebun Kejiranan merupakan aktiviti pertanian yang dijalankan di kawasan perumahan oleh komuniti. Kebun kejiranan boleh dilaksanakan sama ada menerusi penanaman secara individu atau aktiviti Kebun Komuniti @ Community Farm. Kebun Komuniti RPT Bukit Jana telah dipilih sebagai lokasi bagi Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2018 mewakili Zon Tengah. Pada tahun ini, negeri Perak telah diberi penghormatan menjadi hos bagi sambutan tersebut oleh Jawatankuasa Induk Hari Perancangan Bandar Sedunia. Kebun Komuniti RPT Bukit Jana yang berkeluasan satu ekar ini telah diusahakan sejak tahun 2015 oleh 40 orang peserta yang terdiri dari penduduk di kawasan sekitar kejiranan Bukit Jana. Pihak MPT selaku PBT telah turut membantu menjayakan inisiatif ini bersama-sama agensi kerajaan yang lain iaitu Jabatan Pertanian yang menyediakan sumbangan baja serta khidmat nasihat, sementara Jabatan Perpaduan, melalui program KRT turut menyumbangkan tangki air untuk tujuan pengairan. Sejak hampir tiga tahun mengusahakan Kebun Komuniti ini, banyak hasil yang telah dituai oleh peserta-peserta untuk dipasarkan kepada penduduk tempatan. Antara yang telah berjaya dihasilkan dan dituai ialah amra, ubi kayu, kangkung, serai, jagung, kacang panjang, bendi, terung dan banyak lagi. Terdahulu dari itu, MPT telah menganjurkan Majlis Penyerahan Kit Kebun Komuniti kepada peserta-peserta yang menjayakan Kebun Komuniti ini. Penyerahan tersebut telah disempurnakan oleh Cik Rohani binti Hashim, Pengarah Plan Malaysia @ Perak dan disaksikan oleh YBrs. Tuan Haji Borhan bin Abdul Halim, Setiausaha Perbandaran Taiping. Turut hadir ialah Clr. Encik Mohd. Yaakob bin Abdullah Puad.



# SAMBUTAN HARI MALAYSIA PERINGKAT NEGERI PERAK 2018

Sambutan Hari Malaysia Peringkat 2018 Negeri Perak yang diadakan di Dataran Warisan, Taiping pada 15 September 2018 telah berlangsung dengan meriah. Acara anjuran kerajaan negeri Perak dan dijayakan bersama-sama oleh pelbagai agensi di peringkat negeri dan daerah Larut Matang ini berlangsung seperti yang dirancang dan dihadiri oleh seluruh lapisan masyarakat. Perasmian acara ini telah disempurnakan oleh YB Encik Tan Kar Hing, Pengurus Jawatankuasa Pelancongan Negeri Perak serta dihadiri oleh YBhg. Dato Haji Abdul Rahim bin Md.Arif, Yang Dipertua MPT, Tuan Mohammed Akmal bin Dahalan, Pegawai Daerah Larut Matang serta beberapa VIP lain di peringkat daerah dan negeri.



## SUKMA XIX PERAK 2018



Negeri Perak Darul Ridzuan telah menjadi tuan rumah Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) Edisi ke-19 yang berlangsung pada 12 hingga 22 September 2018 yang lalu. Sebanyak 16 Sukan Wajib dan 13 Sukan Pilihan telah dipertandingkan di Temasya SUKMA dan disertai oleh seramai 11,000 orang atlet dan Pegawai Pasukan dari 14 kontingen negeri seluruh Malaysia. Taiping telah menjadi tuan rumah bagi acara-acara berikut yang berlangsung pada 16 hingga 22 September 2018 seperti acara;

1. Larian obor SUKMA XIX Perak yang diadakan di Dataran Warisan (6 September 2018)
2. Acara berbasikal seperti MTB di Taiping Bike Park (18-19 September 2018), BMX di Taman Tasik Kamunting (16-17 September 2018), Roadbike di Arena Square Batu Kurau (12-14 September 2018) dan Kriterium di Taman Tasik Taiping (15 September 2018).
3. Acara bola jaring di Pusat Latihan Tinggi (ADTEC) Taiping (16-22 September 2018).

# LAWATAN DELEGASI BANDARAYA FUKUOKA JEPUN KE TAIPING



Seramai empat orang pegawai dari Bandaraya Fukuoka Jepun telah mengadakan kunjungan hormat bertemu dengan YBhg. Dato' Hj Abd Rahim bin Md Ariff, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping pada 8 Oktober 2018.



Perjumpaan selama 30 minit tersebut disusuli dengan satu sesi perbincangan bersama Tuan Haji Borhan bin Abdul Halim, Setiausaha Perbandaran Taiping dan Dr Kevin Lazarus, Pengarah Zoo Taiping. Pihak Bandaraya Fukuoka berhasrat untuk mengadakan kerjasama dalam MPT menerusi program pertukaran haiwan di antara Zoo Fukuoka dengan Zoo Taiping. Delegasi tersebut seterusnya dibawa melawat ke Zoo Taiping selama sejam sebelum diraikan dalam majlis jamuan makan malam. Banyak perkara menarik yang diperbincangkan dan MPT melihat beberapa peluang kerjasama dapat diwujudkan di antara kedua-dua pihak di masa hadapan.

# LAWATAN DEWAN PERWAKILAN RAKYAT DAERAH KOTA MEDAN KE MPT

Program pengantarabangsaan MPT terus dimurnikan dengan kehadiran tetamu-tetamu dari luar negara menerusi program lawatan sambil belajar. Terbaru, MPT telah menerima kunjungan lawatan delegasi dari Dewan Perwakilan Rakyat Daerah Kota Medan, Indonesia. Lawatan ini disertai oleh enam orang pegawai dan diketuai oleh Tuan Burhanuddin Sitepu, SH serta isteri. Ketibaan mereka di Taiping telah disambut dalam satu majlis makan malam di Restoran Mergastua, Zoo Taiping pada 8 November 2018. YBhg. Dato Hj Abd Rahim bin Md Ariff, Yang Dipertua MPT dan Tuan Hj. Borhan bin Abdul Halim, Setiausaha Perbandaran telah menyambut ketibaan delegasi bersama-sama Ahli-Ahli Majlis MPT dan pegawai-pegawai MPT. Delegasi juga turut dibawa melawat Zoo Taiping serta melihat Taman Tasik Taiping dan bandar Taiping menerusi lawatan Jejak Warisan.



## Lawatan Pengenalan @ FAM Trip ke Taman Botani Perak

Seramai 22 orang pemandu pelancong dan Renjer Zoo telah dijemput untuk menyertai Lawatan Pengenalan Ke Taman Botani Perak sebagai satu inisiatif yang digerakkan oleh MPT untuk membentuk kumpulan jurupandu pelawat di Taman Botani Perak, Zoo Taiping & Night Safari dan Jejak Warisan Taiping. Lawatan yang berlangsung selama dua jam ini telah memberi peluang kepada peserta untuk mengenali komponen-komponen yang terkandung dalam projek fasa 1 Taman Botani Perak yang telah siap dan telah diserahkan kepada MPT bagi tempoh kecacatan selama 12 bulan. Taman ini belum boleh dibuka kepada pelawat pada masa ini kerana pihak MPT sedang merancang untuk memasang pagar dan pintu pagar bagi tujuan keselamatan. Namun begitu, MPT akan mengatur lawatan secara berpandu serta berjadual agar pelawat yang melawat Taman Botani Perak akan mendapat penerangan yang lebih jelas serta keselamatan taman ini dapat dipantau.



Projek Taman Botani Perak (TBP) Fasa 1 yang telah siap pembinaannya dan dijangka akan dibuka pada bulan Disember 2018 ini telah mendapat liputan yang baik dari pihak media. Pada 17 November 2018, TBP telah menerima kunjungan YB Tuan Nga Kor Ming, Ahli Parlimen Teluk Intan dan juga ADUN Aulong bersama-sama YB Encik Teh Kok Lim, Ahli Parlimen Taiping dan YB Encik Leow Thye Yih, ADUN Pokok Asam. YBhg. Dato' Hj Abd Rahim bin Md Ariff, Yang Dipertua MPT bersama-sama Tuan Haji Borhan bin Abdul Halim, Setiausaha Perbandaran MPT menyambut kehadiran tetamu khas ini bersama-sama Ahli-Ahli Majlis MPT, pegawai-pegawai MPT dan pihak pemaju. Lawatan yang berlangsung kira-kira dua jam ini dimulai dengan taklimat ringkas tentang reka bentuk dan kemajuan projek yang meliputi kawasan seluas lebih 30 ekar oleh Arkitek Lanskap kepada semua yang hadir. YB Tuan Nga Kor Ming mengucapkan syabas kepada Dato' YDP di atas kejayaan MPT membawa pembangunan taman botani ke tiga di Malaysia ke Taiping dan amat berharap agar semua pihak berusaha gigih untuk menjadikan TBP sebagai produk pelancongan yang popular, seiring dengan produk-produk pelancongan lain seperti Zoo Taiping & Night Safari, Taman Tasik Taiping dan Bukit Larut.

## LAWATAN YB TUAN NGA KOR MING KE TAMAN BOTANI

# MAJLIS PELANCARAN PROGRAM KEBUN KOMUNITI PLAN MALAYSIA



Majlis Pelancaran Program Kebun Komuniti PLAN Malaysia @ Perak dengan Kerjasama Majlis Perbandaran Taiping telah menganjurkan Majlis Pelancaran Program Kebun Komuniti bersempena dengan Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Zon Tengah pada 1 November 2018. Program ini berlangsung di Rancangan Perkampungan Tersusun (RPT) Bukit Jana, Taiping. Komuniti di sini telah memulakan usaha dan inisiatif pembangunan dan kejiranan hijau melalui pembangunan kebun kejiranan ini sejak tahun 2015 dengan kepimpinan ketua masyarakat dan sokongan serta permuafakatan yang padu di kalangan komuniti. Perkara ini telah menjadikan mereka sebagai komuniti contoh kepada masyarakat setempat. Pelancaran majlis ini telah disempurnakan oleh YB Dr. Abdul Aziz bin Bari, Pengurus Jawatan Kuasa Pendidikan, Sains, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Penerangan negeri Perak. Turut hadir ialah Timbalan Pengarah PLAN Malaysia dan Y.Bhg. Dato Haji Abdul Rahim bin Md.Ariff, Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Taiping.

## *Malaysia Tourism Gold Award 2018*

Tahniah diucapkan kepada Y.Bhg. Dato' Haji Abdul Rahim bin Md.Arif di atas kejayaan MPT meraih anugerah Malaysia Tourism Council Gold Awards- 2018 bagi kategori Gold Award Tourism Promotions Campaign. Anugerah tersebut telah disampaikan dalam satu majlis gilang gemilang di Palace of Golden Horses, Seri Kembangan, Selangor pada 31 Oktober jam 8.00 malam tadi. Ini adalah kali kedua berturut-turut MPT menerima anugerah dari pengurusan anugerah yang sama tetapi berlainan kategori. Pada tahun 2017, MPT telah menerima anugerah bagi kategori Gold Award Heritage and Eco Tourism Destination 2017. Bagi kategori Tourism Promotion Campaign pada tahun ini, MPT telah menghantar pencalonan kepada pengajian pada bulan September lalu dalam bentuk koleksi pelbagai bahan-bahan promosi seperti Buku Panduan Pelancongan Taiping, risalah-risalah pelancongan Taiping yang diterbitkan oleh MPT, artikel-artikel tentang Taiping yang disiarkan dalam majalah antarabangsa, keratan akbar promosi Taiping, VCD yang mengandungi enam episod rancangan TV Discover Taiping dan 10 siri video berdurasi 3 minit bertajuk Taiping Unlock dalam 9 bahasa antarabangsa. Kedua-dua siri TV dan video tersebut adalah sebahagian dari elemen Program Promosi dan Pemasaran Greater Kamunting Conurbation yang dikendalikan oleh Northern Corridor Implementation Authority @ NCIA. Dana yang disumbangkan oleh NCIA dalam program promosi dan pemasaran pelancongan Taiping telah menjayakan lagi inisiatif ini. Kejayaan ini juga merupakan kejayaan seluruh penggiat-penggiat industri pelancongan di Taiping.



# N'Force Bikers Club Singgah di Taiping

Rombongan konvoi motosikal daripada Kelab Motosikal Bahagian Penguatuasa Majlis Bandaraya Ipoh (MBI), N'Force Bikers Club yang telah mengadakan lawatan jelajah ke seluruh PBT di Negeri Perak telah membuat persinggahan di Majlis Perbandaran Taiping pada 29 November 2018. Seramai 35 orang bikers terlibat di dalam konvoi ini yang bermula dari Majlis Perbandaran Manjung dan berakhir di Majlis Daerah Pengkalan Hulu. Terima kasih di atas kunjungan tersebut. Semoga hubungan silaturahim antara MPT dan MBI akan kekal terjalin.



## Pengurniaan Pingat Sempena Ulang Tahun Keputeraan DYMM Sultan Perak ke-62

Pada 11 November 2018, dua orang kakitangan MPT telah dikurniakan Pingat Negeri Perak sempena sambutan Ulang Tahun Keputeraan DYMM Paduka Seri Sultan Perak Sultan Nazrin Muizzuddin Shah kali ke-62. Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran Negeri Perak telah berlangsung di Balairong Seri, Istana Iskandariah, Kuala Kangsar. Tahniah diucapkan kepada dua pegawai yang menerima pingat iaitu Encik Ami Faizul bin Yaacob, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Bandar dan Kesihatan MPT yang telah dikurniakan Pingat Pekerti Terpilih (PPT) dan Encik Baharom Shah bin Yoop, Pembantu Tadbir di Jabatan Zoo yang dikurniakan Pingat Jasa Kebaktian (PJK).



## **OPERASI BERSEPADU MEMANTAPKAN RANGKAIAN KERJASAMA ANTARA AGENSI**



Majlis Perbandaran Taiping melaksanakan operasi bersepadu dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat dengan pendekatan yang berkesan dan berhemah. MPT telah melaksana pendekatan ini menerusi beberapa siri operasi penguatkuasaan, antaranya Operasi Burung Walid di Kampung Boyan dan Operasi PATI Tiada Permit Kerja Yang Sah. Kedua-dua operasi dijalankan secara bersepadu pada 25 Oktober lalu.

Majlis Perbandaran Taiping telah berkolaborasi tindakan penguatkuasaan dengan beberapa agensi iaitu Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Jabatan Imigresen dan RELA dalam Operasi bersepadu yang diadakan baru-baru ini. Operasi ini bertujuan untuk menguatkuasa undang-undang sedia ada. Seramai lebih kurang 70 orang anggota penguatkuasaan dan pegawai dari kesemua agensi ini telah turun padang untuk melaksanakan operasi tersebut untuk menguatkuasakan undang-undang serta membanteras pendatang tanpa izin.

Operasi Burung Walid turut dilaksanakan bersama Pejabat Kesihatan Daerah bagi mengawal aktiviti yang tidak lagi dibenarkan dan tidak dilesenkan di kawasan perumahan Flat Taman Bersatu. Di samping kacau ganggu akibat bunyi bising dari aktiviti burung walid yang berterusan, Pejabat Kesihatan juga memantau dan memeriksa kebersihan persekitaran dan kesihatan kawasan terbabit. Operasi yang dilaksanakan secara bersepadu ini telah memberi nilai tambah kepada tindakan penguatkuasaan serta memberi impak bertepatan dengan hasrat yang dirancangkan.



Buletin MPT

SELAMAT DATANG  
KE  
BUKIT LARUT

## The 12th Asian-Pacific City Summit

2018.8.1 - 8.3  
FUKUOKA CITY

SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES - SDGs GOAL #11  
2018.7.30 - 31  
PRE CONFERENCE  
GLOBAL ACTION 2018  
FUKUOKA JAPAN

SUSTAINABLE URBANIZATION WEEK

UN-HABITAT  
mCIT



# Aktiviti Sepa Julai-Jisr

PROGRAM  
**BUYER  
MEET  
SELLER**

TURISM JODOR  
BERSAMA  
TOURISM PERAK

JC-HOR  
MILL ROAD T62, TKT2  
GRAND PARADISE HOTEL  
JOHOR BAHRU

TOURISM JOH  
BERSAMA  
TOURISM PER



# MEMPERKENALKAN TAIPING KEPADA PENGGIAT INDUSTRI DARI JOHOR BAHRU



Majlis Perbandaran Taiping telah dijemput untuk menyertai Program FAM Trip dan Sesi 'Buyer Meet Seller' @ B2B yang berlangsung mulai 21 Oktober hingga 24 Oktober 2018. Program yang disertai oleh kira-kira 40 orang penggiat industri pelancongan di negeri Perak telah bertolak ke Johor Bharu dengan menaiki pesawat Air Asia, sebagai memperkenalkan perkhidmatan penerbangan yang baru oleh Air Asia iaitu dari Johor Bharu ke Ipoh dan Ipoh ke Johor Bharu. Penerbangan ini diadakan sebanyak empat kali seminggu. Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh YB Encik Tan Kar Hing, Pengurus Jawatankuasa Pelancongan Negeri Perak pada 23 Oktober

2018. Selepas Majlis Perasmian, YB Encik Tan Kar Hing bersama-sama VIP negeri Johor dan Puan Zuraida bt. Md. Taib, Ketua Eksekutif, Tourism Perak mengadakan lawatan ke booth-booth 'Buyer Meets Sellers'. Sesi B2B berlangsung hampir sejam dan hampir 100 penggiat-penggiat industri pelancongan negeri Johor telah hadir untuk berjumpa dan berbincang dengan peserta-peserta dari Perak.



## Program Maxwell Hill MTB International Challenges 2018 (MHMIC18)

Seramai 300 orang peserta berbasikal (dari seluruh negara) menyertai pertandingan perlumbaan basikal bukit (MTB) yang berlangsung pada 20 Oktober 2018 jam 8.00 pagi. Program MTB ini adalah perlumbaan naik ke puncak Bukit Larut. Program ini adalah anjuran Majlis Perbandaran Taiping, dengan kerjasama kerajaan negeri Perak, MPTRiderz, Hotel Novotel, D Wish Management & Eng Hern Cycling. Peserta pertama sampai ke puncak dengan catatan masa kurang 59 minit sejauh 8 km jalan awam dan 10 km laluan ke puncak. Dianggarkan 200 orang peserta telah berjaya tiba di puncak Bukit Larut manakala selebihnya gagal menghabiskan kayuhan sebelum proses "cut off time" pada jam 10.30 pagi. Acara kemuncak MHMIC18 ini diakhiri dengan acara penyampaian hadiah dan cabutan bertuah di ruang legar di dalam Taiping Mall. Lebih 50 cabutan bertuah telah disampaikan dan sejumlah hadiah wang tunai telah disampaikan kepada pemenang yang berjaya di atas podium.



## PROGRAM PENGANTARABANGSAAN MPT DALAM THE 12TH ASIAN-PACIFIC CITY SUMMIT 2018



MPT telah menyertai The 12th Asian-Pacific City Summit 2018 yang berlangsung di bandaraya Fukuoka, Jepun mulai 30 Julai hingga 3 Ogos 2018. YBhg. Dato' Haji Abd. Rahim bin Md Ariff, Yang Dipertua MPT telah menghadiri perjumpaan tersebut bersama-sama Encik Kamaruzzaman bin Kamari, Pengarah Kejuruteraan MPT. Penyertaan ini merupakan salah satu usaha MPT untuk membina rangkaian kerjasama dengan pelbagai pertubuhan dan agensi di peringkat antarabangsa.



## *Program Komuniti Maybank dan MPT*



Maybank Cawangan Taiping telah mengadakan Program Maybank Care di Raintree Walk dan di Pavilion Zoo pada 17 November 2018. Program yang berlangsung dengan kerjasama MPT ini telah disempurnakan Majlis pelancaran bagi program yang berlangsung dengan kerjasama MPT ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato Haji Abdul Rahim bin Md.Arif, Yang Dipertua MPT. Pada tahun 2017, pihak Maybank Cawangan Taiping turut menganjurkan program yang membantu MPT untuk melestarikan Taman Tasik Taiping dengan menyokong aktiviti pemuliharaan pokok hujan-hujan di Taman Tasik Taiping.



# PROGRAM PINK

Program Inisiatif Komuniti MPT atau dikenali sebagai PINK ialah sebuah program mingguan yang bertujuan untuk memberi pengisian yang bermanfaat kepada pelbagai golongan komuniti. Program ini dijalankan pada setiap hari Sabtu yang bertempat di Galeri Perbandaran Taiping. Program ini bermula pada pukul 9.00 pagi sehingga 11.00 pagi. Pelbagai program dan aktiviti telah dijalankan sepanjang bulan November hingga Disember 2018.

Antara program PINK yang telah dijalankan sepanjang bulan November hingga Disember 2018:

Bil.	Aktiviti	Tarikh
1.	Ceramah Awam Peranan Masyarakat dalam Menangani Isu-Isu Remaja	3 November 2018
2.	Zumba Komuniti	24 November 2018
3.	Program Klik dengan Bijak	1 Disember 2018
4.	Program bersama Pemandu Pelancong dan Renjer Zoo	2 Disember 2018
5.	Pertanian Bandar	8 Disember 2018
6.	Masakan	15 Disember 2018
7.	Penampilan Diri dalam Berfesyen	22 Disember 2018
8.	Geli-Geli Kucing	29 Disember 2018



## Program Town Hall Meeting dengan Kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah

MPT telah menganjurkan satu Sesi Town Hall Meeting bagi menyebarluaskan maklumat dan kesedaran tentang usaha-usaha untuk menjadikan Taiping sebagai bandar mesra usia di kalangan komuniti Taiping amnya. Kira-kira 160 orang komuniti yang hadir terdiri daripada Ahli-Ahli Majlis, Jawatankuasa Perwakilan Penduduk, kakitangan awam dan swasta, mantan pekerja MPT, NGO, Ahli-Ahli MMS, Penghulu dan Ketua Kampung di daerah Larut Matang, Jawatankuasa Rukun Tetangga, anggota beruniform dan ramai lagi. Taiping menjadi bandar pertama di negara ini yang melaksanakan Program Bandar Mesra Usia. Menerusi program ini, Taiping akan mempunyai pelbagai aktiviti, fasiliti serta kualiti yang memberi manfaat kepada komuniti warga emas dan keluarga mereka serta masyarakat umum. Usaha ini dilaksanakan dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia. Sesi ini khusus untuk orang ramai mendapat maklumat lanjut tentang aktiviti yang dilaksanakan bagi mencapai hasrat ini dan faedah yang akan dinikmati oleh komuniti warga emas. Majlis yang dirasmikan oleh YBhg. Dato' Hj. Abd. Rahim bin Md Arif, Yang Dipertua, MPT berlangsung dengan lancar dengan sesi perkongsian ilmu yang dikendalikan oleh Prof. Madya Dr. Sharifah Norazizan bt. Syed Abd. Rashid dari Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia (IPPM), Universiti Putra Malaysia.

## **Program TRR Brooks Run Anjuran Taiping Road Runners dengan Kerjasama MPT**

Seramai dua ribu peserta dari seluruh negara dan dari luar negara telah menyertai acara yang berlangsung sejak jam 5 pagi pada 22 Oktober 2017. Pelbagai acara berlangsung termasuk Zumba serta jualan pelbagai barang sukan, makanan sihat serta promosi hotel. Program anjuran Persatuan Pelari-Pelari Taiping @ Taiping Road Runner Association dengan sokongan Majlis Perbandaran Taiping telah diserikan dengan kehadiran Dato' Seri Mirza Muhammad Tayab, Ketua Pengarah Tourism Malaysia seawal jam 4 pagi. Turut hadir untuk menjayakan upacara pelepasan peserta ialah Tuan Haji Borhan b. Abd. Halim, SU Perbandaran MPT.



### **Sambutan Ulang Tahun Bazar Cross Street Taiping Kali Ke-4**



15 November lalu genap empat tahun penubuhan BCS dan sambutan Ulang Tahun Bazar Cross Street Taiping kali ke-4 telah diadakan pada 17 November 2018, iaitu pada hari Sabtu. YBhg. Dato Haji Abdul Rahim bin Md.Arif, Yang Dipertua MPT telah melapangkan masa untuk memeriahkan acara ini bersama-sama Tuan Haji Borhan bin Abdul Halim, Setiausaha Perbandaran Taiping, Dr. Kevin Lazarus, Pengurus Jawatan Kuasa Kerja BCS, Ahli-Ahli Jawatan Kuasa BCS serta Ahli-Ahli Majlis MPT. Sambutan Ulang Tahun ke-4 Bazar Cross Street Taiping telah diadakan pada 17 November 2018 pada jam 8.30 malam di Bazar Cross Street Taiping. Antara acara menarik yang diadakan ialah acara memotong kek pulut kuning dan diedarkan kepada pengunjung, pameran kraftangan dan demo kraftangan, persembahan busking, persembahan mengukir ais, dan jualan pelbagai barang dan aneka juadah.

# Program Pledge & Plant a Tree

Jalan-jalan di dalam bandar Taiping pada masa dahulu banyak diteduhi dengan pokok-pokok dari pelbagai spesis seperti Yellow Flame @ Jemerlang/Batai Laut, pokok Adenanthera @ pokok saga, Raintree @ pokok Hujan-Hujan dan pokok Sky Fruit @ pokok Mahogany/ pokok buah tunjuk langit. Kini usaha untuk menghidupkan semula suasana sebegini dilaksanakan menerusi Program Pledge & Plant a Tree @ PAPAT yang berlangsung pada 10 November 2018. Program anjuran MIP @ Malaysia Institute of Planners dengan kerjasama MPT ini diadakan dengan tujuan untuk membawa organisasi, masyarakat dan individu bersama-sama untuk menghijaukan bandar dengan pokok teduhan. Program ini diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2018. Program ini juga sejajar dengan Rancangan Khas Kawasan Warisan Taiping (RKK) yang telah diwartakan ada 22 Julai 2010 di mana menekankan tentang usaha mengekalkan Taiping sebagai bandar dalam taman dengan menjaga kepentingan lanskap dan ruang awam@ 'public space'. Kira-kira 100 batang pokok Yellow Flame @ Jemerlang dan pokok Happiness Tree ditanam di Jalan Pasar, Jalan Barrack dan Jalan Panggung Wayang dalam program ini di mana beberapa badan korporat dan individu telah turut serta sebagai penaja. Program ini dijalankan secara serentak di enam Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Malaysia. Program ini telah dilancarkan oleh YB Tuan Teh Kok Lim, Ahli Parlimen



Taiping and diiringi oleh YBhg. Dato Hj Abd Rahim bin Md Ariff, Yang Dipertua MPT serta TPr Puan Mahani Yassin dari MIP. Turut hadir ialah ADUN Pokok Asam, YB Encik Leow Thye Yih dan Ketua Penolong Pegawai Daerah, Encik Mohd Ikram bin Ahmad.



## Kunjungan Para Peserta Penggiat Industri Pelancongan Sekitar Negeri Perak ke Muzium Telegraf Taiping dan Zoo Taiping



Seramai 100 orang peserta yang terdiri daripada penggiat-penggiat industri pelancongan sekitar negeri Perak telah mengadakan lawatan di Muzium Telegraf Taiping dan Zoo Taiping pada 13 Oktober 2018. Kunjungan selama tiga jam ini merupakan sebahagian dari aturcara lawatan yang telah disusun bersempena dengan program PERAK FUN DRIVE 2018 anjuran Persatuan Pelancongan Negeri Perak (PTA). Program ini telah diketuai oleh Y.Bhg. Dato' Haji Odzman Kadir, Pengurus Persatuan Pelancongan Negeri Perak dan dibantu oleh Ahli-Ahli Jawatankuasa PTA. Lawatan di Zoo Taiping telah disambut oleh Tuan Dr. Kevin Lazarus, Pengarah Zoo Taiping bersama-sama pegawai dan staf MPT. Lawatan ini berakhir dengan jamuan makan tengahari sebelum kumpulan peserta-peserta Perak Fun Drive 2018 meneruskan perjalanan mereka ke Daerah Manjung untuk acara seterusnya.

## KUNJUNGAN TETAMU LUAR NEGARA MELAKAR KEJAYAAN PROGRAM PENGANTARABANGSAAN MPT



Zoo Taiping & Night Safari @ ZT& NS atau nama asalnya Taman Mergastua sentiasa memastikan program-program pengantarabangsaan dilaksanakan secara berterusan. Menerusi program pengantarabangsaan, ZT & NS akan berpeluang untuk dipromosikan secara lebih meluas di peringkat antarabangsa menerusi pengalaman-pengalaman unik dan penghayatan pelawat yang berkunjung, yang pastinya akan merasa teruja dengan konsep pameran terbuka ZT & NS. Pada 21 November 2018, ZT& NS telah menerima kunjungan lawatan delegasi dari Taman Negara, Thailand. Lawatan ini disertai oleh 13 orang pegawai dari Taman Negara Thailand yang diketuai oleh Mr. Songtam Suksawang, Pengarah Taman Negara Thailand dan pegawai pengiring dari Tourism Perak, Jabatan PERHILITAN Perak dan Unit Perancangan Ekonomi Perak (UPEN). Ketibaan mereka telah disambut oleh Dr. Kevin Lazarus, Pengarah Zoo Taiping & Night Safari dan pegawai-pegawai ZT & NS. Lawatan hampir dua jam ini telah berjaya

memberikan gambaran yang positif tentang keunikan dan kejayaan ZT & NS kepada peserta-peserta lawatan. Terdahulu dari itu, rombongan ini telah dibawa melawat ke beberapa lokasi di Ipoh dan kawasan sekitar. Pemilihan ZT & NS sebagai salah satu destinasi lawatan adalah didorong oleh kekuatan produk ini yang dilihat antara produk pelancongan di negeri Perak yang berjaya serta menjadi tarikan yang popular di Malaysia dan di peringkat dunia.

## Lawatan YB SUK Negeri Perak ke Zoo Taiping & Night Safari

Majlis Perbandaran Taiping telah menerima kunjungan lawatan oleh YB Tuan Haji Zainal Azman bin Abu Seman, Setiausaha Kerajaan Negeri pada 22 Oktober 2018. YB SUK telah mengadakan lawatan ke Zoo Taiping dan Bukit Larut. Ketibaan beliau telah disambut oleh Y.Bhg. Dato' Hj Abd Rahim bin Md Ariff, Yang Dipertua MPT dan Tuan Haji Borhan bin Abdul Halim, Setiausaha Perbandaran Taiping. Turut mengiringi YB SUK ialah Encik Mohamed Akmal bin Dahalan, Pegawai Daerah Larut Matang.



### Program Pengkayaan Oleh Peserta Kursus The 12th Mazpa Field Training Course 2018



Zoo Taiping & Night Safari telah menjadi tuan rumah The 12th. MAZPA Field Training Course 2018 yang bermula pada 8 Oktober hingga 15 Oktober 2018. Antara pengisian kursus ialah Enrichment Project @ Projek Pengkayaan, iaitu projek di mana para peserta mempelajari teknik-teknik untuk mencipta peralatan dengan kaedah menggunakan bahan semula jadi untuk dimanfaatkan oleh haiwan-haiwan di dalam kandang pameran di Zoo Taiping. Pihak Zoo Taiping telah membangunkan pendidikan secara interaktif dalam usaha untuk mengekalkan naluri semulajadi haiwan-haiwan dalam kurungan terhadap cara dan gaya hidup haiwan-haiwan, sama seperti di habitat asal mereka. Program ini dapat memberi impak positif kepada psikologi dan fizikal haiwan-haiwan dalam kurungan, terutamanya dalam tingkah laku sosial supaya menjadi lebih aktif dan sedikit sebanyak dapat membantu haiwan-haiwan tersebut tentang kemahiran untuk meneruskan kelangsungan hidup seperti di habitat asal mereka. Antara program pengkayaan yang dilaksanakan oleh peserta-peserta kursus pada kali ini

ialah melibatkan haiwan-haiwan seperti Orang Utan, beruk kentoi, harimau kumbang, itik belibis, chimpanzi, memerang, tapir, merpati emas dan sebagainya. Zoo Taiping adalah di antara zoo yang tidak menyokong aktiviti pertunjukan haiwan kerana pengurusan zoo lebih menitikberatkan hal ehwal kebajikan haiwan dan perkembangan tabiat serta habitat haiwan secara semulajadi.



# PROGRAM REPTILE TALK




Majlis Perbandaran Taiping telah menganjurkan satu sesi ceramah komuniti iaitu 'REPTILE TALK' kepada orang ramai yang berminat untuk mendalami ilmu pengetahuan dan memahami tentang kehidupan dan habitat ular. Program ini telah dijalankan pada 15 November 2018 yang bermula dari jam 11.00 pagi hingga 12.30 tengahari, yang bertempat di Dewan Seminar, Zoo Taiping. Antara penceramah yang terlibat dalam program ini ialah Dr.Philipp Wagner, Nadja Niemann, Ales Mlinar, Borja Reh, dan Pierre de Chabannes. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan ialah 'Snake Handling', 'Feeding & Prophylaxis', 'Breeding & Juvenile management', 'Conservation & education', 'Reptile conservation', 'In-situ program', dan 'Captive breeding'.

## PROJEK KOLABORASI 'ASPIRING NEW ZEALAND PHOTOGRAPHY PROJECT' DENGAN ZOO TAIPING & NIGHT SAFARI

Zoo Taiping & Night Safari telah berkolaborasi dengan Rakan 'Aspiring New Zealand Photography Project' dalam usaha menjadikan Zoo Taiping & Night Safari terus dikenali di peringkat antarabangsa. Projek ini secara tidak langsung telah menghubungkan Zoo Taiping & Night Safari dengan kerajaan New Zealand menerusi Pesuruhjaya Tinggi negara Burung Kiwi ini, yang juga menjadi pendokong utama projek 'Aspiring New Zealand'. Mengambil tema warna Hitam dan Putih yang menjadi simbolik negara New Zealand, projek ini dengan persetujuan kerajaan New Zealand telah berbesar hati menaja seekor Tapir di Zoo Taiping bagi mewakili Malaysia dan memilih Blue Penguin, yang juga berwarna hitam dan putih, bagi mewakili New Zealand.



## Kelahiran Baru di Zoo Taiping & Night Safari tahun 2018



Zoo Taiping telah menerima kelahiran baru lima spesis haiwan dari keluarga mamalia dan burung. Kelahiran baru anak-anak haiwan di Zoo Taiping & Night Safari telah mendapat liputan yang menggalakkan dari media tempatan. Berikut ialah senarai kelahiran baru di Zoo Taiping & Night Safari tahun 2018:

1. Seekor anak ungka tangan putih lahir pada 22. 4. 2018
2. Seekor anak burung keria mahkota lahir pada 13. 7. 2018
3. Seekor anak seladang lahir pada 19. 10. 2018
4. Seekor anak kuda belang lahir pada 11. 11. 2018
5. Enam ekor anak burung botak upih ditetas di luar kurungan sementara lapan ekor ditetaskan dalam kurungan.

Kelahiran-kelahiran baru ini, terutamanya bagi kelahiran anak kuda belang merupakan satu pencapaian yang amat membanggakan serta telah berjaya mencipta sejarah bagi Zoo Taiping. Kejayaan ini ialah hasil ketekunan Zoo Taiping & Night Safari dalam mengurus zoo mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan seperti melibatkan kebijakan haiwan, pengurusan dan pengendalian haiwan serta kandang pameran, pemakanan dan kesihatan haiwan serta pengurusan pelawat.

Zoo Taiping & Night Safari mempunyai peranan penting dalam konservasi dan pendidikan di samping peranan lain iaitu kajian, latihan dan rekreasi. Sejak Zoo Taiping dibuka pada tahun 1961 dan 2003 bagi Night Safari, fungsi dan peranannya telah mengalami pelbagai evolusi dan perkembangan yang amat positif. Ini ditambahbaik dengan adanya akta-akta konservasi hidupan liar 2010 di mana Jabatan PERHILITAN Malaysia menjadi agensi untuk menguatkuasakan akta-akta tersebut dan Zoo Taiping & Night Safari melaksanakan aktiviti-aktiviti berdasarkan akta-akta tersebut, termasuk program 'in-situ' dan 'ex-situ'.

Peraturan pengendalian zoo yang dikuatkuasakan oleh Jabatan PERHILITAN Malaysia banyak membantu zoo-zoo di Malaysia melaksanakan sistem pengurusan zoo dengan betul dan lebih teratur. Sehingga kini, Zoo Taiping & Night Safari menjadi rumah kepada 120 spesis haiwan dari kumpulan mamalia, burung, ikan dan reptilia. Keseluruhannya terdapat kira-kira 1,800 ekor haiwan. YBhg. Dato' Haji Abd. Rahim bin Md. Ariff, Yang Dipertua MPT telah mengadakan sesi sidang akhbar bersama media pada 14 November 2018.

## AKTIVITI PEMBALAKAN MENGGANGGU GUGAT EKOSISTEM

Pembangunan sektor pertanian melalui penukaran tanah dari hutan kepada pertanian telah mengakibatkan berlakunya penebangan hutan secara meluas. Selain daripada mengurangkan jumlah hutan asal dan biodiversiti hutan serta hidupan liar, penebangan hutan juga turut menyumbang kepada hakisan tanah, kerosakan cerun dan tanah runtuh di Malaysia. Penebangan hutan yang berterusan dan kemusnahan hutan di kawasan tадahan air akan menjadikan bekalan air dan kualiti sumber air, menjadikan kemampuan pengambilan semula air bawah tanah dan menyebabkan lebih banyak banjir berlaku di kawasan tanah rendah. Selain menimbulkan masalah pencemaran air akibat penggunaan secara intensif ini, rakyat Malaysia yang menggunakan penyembur serta operator mesin penyembur racun makhluk perosak akan menghadapi risiko akibat pendedahan terutamanya melalui kulit, apabila menggunakan peralatan yang tidak sempurna untuk mencampurkan atau menyembur racun makhluk perosak. Kesan-kesan pembalakan ialah akan menyebabkan kemusnahan habitat semula jadi bagi flora dan fauna.

Umum mengetahui bahawa hutan merupakan habitat semula jadi bagi pelbagai jenis tumbuhan dan spesies hidupan liar yang semakin pupus. Kemusnahan hutan akan menyebabkan kemusnahan tempat tinggal bagi tumbuhan dan hidupan liar tersebut. Sebagai contohnya, banyak kawasan hutan yang dimusnahkan kerana pembangunan atau aktiviti pembalakan secara haram. Tanpa tempat tinggal yang selamat, haiwan-haiwan ini akan mati dan seterusnya pupus. Selain itu, hutan kaya dengan tumbuhan-tumbuhan yang menjadi sumber ubat atau penawar bagi pelbagai penyakit. Kemusnahan hutan bererti kehilangan bahan-bahan yang berharga ini. Seterusnya, kekurangan hutan akan menyebabkan suhu dunia akan meningkat. Ini adalah kerana hutan berperanan untuk menyerap gas karbon dioksida dan membekalkan gas oksigen kepada hidupan di muka bumi. Jika hutan ditebang dengan sewenang-wenangnya, maka peluang untuk menambah isi padu gas oksigen dalam udara akan berkurangan. Peratus gas karbon dioksida pula dalam udara akan terus meningkat. Keadaan ini akan menyebabkan berlakunya peningkatan suhu dunia.

Apabila situasi ini berlaku, jumlah isi padu lautan juga akan bertambah sebagai akibat pencairan ais di Kutub Utara dan Kutub Selatan. Sebagai contohnya, fenomena pemanasan global berpunca daripada aktiviti penebangan atau pengurangan kawasan hutan yang berleluasa di dunia. Dari fenomena ini, kesan rumah hijau turut berlaku. Selain itu, hutan-hutan yang diterokai menyebabkan tanah yang dilindungi terdedah kepada pelbagai bencana alam. Hal ini berpunca daripada hutan tidak lagi dapat berfungsi sebagai kawasan tадahan hujan. Apabila hujan lebat melanda sesuatu kawasan, air yang turun tersebut terus menghakis permukaan bumi yang gondol tersebut lalu membawa hakisan tanah-tanah ini ke dalam sungai. Kejadian ini dapat kita lihat, misalnya pada kejadian tanah runtuh. Kejadian ini berlaku kerana ketiadaan akar tumbuhan yang mencengkam tanah, terutamanya tebing atau tanah tinggi. Sungai pula akan menjadi semakin cetek sebagai akibat pemendakan tanah lumpur di dasarnya. Keadaan ini akan menyebabkan banjir kilat lebih mudah melanda. Oleh itu, pihak Zoo Taiping & Night Safari berharap agar aktiviti pembalakan haram tidak akan sewenang-wenangnya berlaku kerana hutan merupakan anugerah semula jadi yang tidak ternilai. Sesungguhnya, hutan menawarkan berbagai-bagai manfaat kepada kehidupan di muka bumi antaranya mengawal suhu bumi, menjadi habitat flora dan fauna, mencegah kejadian tanah runtuh dan membekalkan sumber kayu balak kepada masyarakat pada hari ini.



## EACH ELEPHANTS HAVE DIFFERENT PERSONALITIES, JUST LIKE US

In the Disney movie, Dumbo has the personality of a small child. He is playful, innocent and fun. He loves being around his mother and hates being alone. In real life, a baby elephant is very much like Dumbo, with distinct and complex personality. Researchers of the University of Turku, Finland, conducted a study on a timber elephant population in Myanmar and discovered that Asian elephants' personalities manifest through three different factors. The personality factors identified by the researchers are attentiveness, sociability and aggressiveness.

Seltman (2018) describe "attentiveness" as "how an elephant acts in and perceives its environment. The "aggressiveness" factor is described as the aggressive, dominant, and moody behavior of that elephant while "sociability" is how an elephant seeks closeness to other elephants and humans, and how popular they are as social partners. The personalities are different between male and female Asian elephants, as they have very different social tendencies. Female Asian elephants live in small family units with strong bonds between the group members, where group cohesion is of high importance, while little is known about the social life of male Asian elephants. As Seltman (2018) theorised, "close relationships with other individuals may therefore be less important for males than for females." According to their research, however, males have just as sociable personalities as females.

Elephants form deep family bonds and live in tight matriarchal family groups of related females called a herd. The herd is led by the oldest and often largest female, called a matriarch. Herds consist of 8-100 individuals depending on terrain and family size. When a calf is born, it is raised and protected by the whole matriarchal herd. Males leave the family unit between the ages of 12-15 and may lead solitary lives or live temporarily with other males.

Elephants are extremely intelligent animals and have memories that span many years. It is this memory that serves matriarchs well during dry seasons when they need to guide their herds, sometimes for tens of miles, to watering holes that they remember from the past. They also display signs of grief, joy, and anger. Recently, Zoo Taiping & Night Safari welcomed the birth of two male baby elephants on 30th December 2018 and 2nd February 2019. These two baby elephants are very significant to the zoo as the last elephant calf was born back in 2011. As of now, Zoo Taiping & Night Safari has seven female elephants and three male elephants. With these new additions Zoo Taiping & Night Safari now houses over 1,400 animals from 140 species consisting of mammals, reptiles, fish and birds.

### Reference:

- <https://qz.com/1214931/elephants-have-different-personalities-just-like-us/>
- <https://www.utu.fi/en/news/news/Pages/Asian-Elephants-Have-Different-Personality-Traits-Just-Like-Humans.aspx>